

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN
BIL. 4/1981

**TANAH KERAJAAN DALAM BANDAR ATAU
YANG BERHAMPIRAN DENGAN BANDAR**

Berhubung dengan perkara di atas adalah dimaklumkan iaitu YAB. Dato' Menteri Besar telah mengarahkan supaya semua Pemungut Hasil Taanh mengambil perhatian bahawa mana-mana tanah Kerajaan di dalam bandar atau berhampiran dengan bandar yang masih kosong hendaklah jangan diperakui untuk diberimilik kepada mana-mana perseorangan.

2. Sebagaimana termaklum banyak projek-projek Kerajaan perlu dilaksanakan dan projek-projek ini memerlukan tapak. Oleh sebab kurangnya tanah-tanah Kerajaan yang masih ada untuk dijadikan tapak projek-projek yang telah dirancang itu maka pengambilan tanah milik perlu dijalankan yang mana mengakibatkan kesusahan kepada tuan-tuan tanah yang tidak ada tanah yang lain. Jadi dengan adanya tanah Kerajaan yang masih kosong maka sekurang-kurangnya tanah itu bolehlah dijadikan sebagai tapak gantian kepada mereka yang terlibat dengan pengambilan tanah untuk tapak gantian kepada mereka yang terlibat dengan pengambilan tanah untuk tapak kediaman mereka.

3. Semua Pemungut Hasil Tanah hendaklah mengambil perhatian mengenai arahan ini dan memaklumkan hasrat YAB. Dato' Menteri Besar ini kepada Jawatankuasa Hal Ehwal Tanah Jajahan masing-masing.

Saya yang menurut perintah,

t.t
(Ab.Hamid bin Hj. Abu Bakar)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN
KOTA BHARU**

FAIL : **P.T.G.KN.8860/JLD.2/(15)**

BERTARIKH : **28HB. OKTOBER, 1981.**

KEPADA ;

Semua Pemungut Hasil Tanah
KELANTAN.

SALINAN KEPADA :

1. YAB. Dato' Menteri Besar,
 Kelantan,
 KOTA BHARU.

2. Yang Berhormat
 Dato' Setiausaha Kerajaan
 Kelantan
 KOTA BHARU